

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA MAJLIS PEMBENTANGAN INTRA PADA 23 JULAI 2005 DI DKP 1,
PUSAT KEJURUTERAAN KUKUM, KUALA PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM
SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA SAUDARA PENGERUSI MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA PROF MADYA ZALIMAN SAULI, PENGARAH PUSAT
KERJASAMA INDUSTRI KUKUM,

DEKAN-DEKAN SERTA PENSYARAH-PENSYARAH KUKUM

DAN PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANAHU WA TAALA KERANA REZEKI
YANG DICURAHKAN BUAT KITA SEMUA DI BUMI INDERA KAYANGAN INI
TIDAK PERNAH BERNOKTAH. LIMPAHAN KASIH SERTA SAYANG-NYA YANG
TERUS SUBUR ITU MEMAKMURKAN KITA SEMUA UNTUK SEKALI LAGI
BERHIMPUN DI MAJLIS PEMBENTANGAN INTRA OLEH PARA PELAJAR KUKUM
TAHUN 4.

PERTAMA SEKALI, IZINKAN SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT KEMBALI KE
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA DAN TAHNIAH

KEPADA ANDA SEMUA KERANA TELAH BERJAYA MELEPASI PROGRAM LATIHAN INDUSTRI YANG MANA SAYA PERCAYA PARA PELAJAR TELAH MENDAPAT PENDEDAHAN ALAM PEKERJAAN YANG SEBENAR.

SESUNGGUHNYA ALAM PEKERJAAN AMAT BERBEZA DENGAN ALAM PENGAJIAN. SAYA BERHARAP DENGAN ILMU YANG TELAH DIBEKALKAN DARI KUKUM SEBELUM MENGHADIRI LATIHAN INDUSTRI TELAH SEDIKIT SEBANYAK MEMBANTU PARA PELAJAR UNTUK MENEMPUHI PROGRAM LATIHAN INDUSTRI DI SYARIKAT YANG TERPILIH TERSEBUT.

WALAU BAGAIMANAPUN PIHAK KUKUM HANYA DAPAT MENYEDIAKAN KEMUDAHAN TETAPI PRAKTISNYA ADALAH TERLETAK KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU ITU SENDIRI. JIKA ANDA SEMUA BERUSAHA, BIJAK MEREBut PELUANG DAN TIDAK MUDAH BERPUTUS ASA, INSYALLAH ANDA SEMUA AKAN BERJAYA DALAM APA JUA BIDANG YANG DICEBURI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEBAGAIMANA YANG KITA MAKLUM, BEGITU BANYAK AKTIVITI YANG TELAH DIANJURKAN OLEH PIHAK CIC SEBAGAI CONTOH PROGRAM PENDEDAHAN INDUSTRI (INDEX), PROGRAM KEUSAHAWANAN KEJURUTERAAN (INDENT), SESI LAWATAN INDUSTRI DAN LAIN-LAIN PROGRAM DARIPADA PIHAK HEP DAN PUSAT PENGAJIAN JUGA TURUT DIHARAPKAN DAPAT MEMBANTU PELAJAR BEKERJA KETIKA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI.

SEMUA PROGRAM YANG KITA LAKSANAKAN AKAN MELIBATKAN KOS MAKA SUDAH TENTU BESARLAH HARAPAN SAYA AGAR IANYA AKAN DAPAT DIMANFAATKAN OLEH PELAJAR DENGAN SEBAIK-BAIKNYA. DARI PROGRAM

INTRA INI, SAYA MERASAKAN SUDAH TENTU PARA PELAJAR TELAH MENERIMA PENDEDAHAN INDUSTRI DAN DAPAT DIJADIKAN PANDUAN UNTUK MENENTUKAN ARAH TUJU YANG INGIN DIPILIH KELAK.

SAYA JUGA YAKIN MELALUI SESI PEMBENTANGAN INTRA INI, PELAJAR BOLEH BERKONGSI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN. SEMOGA MELALUI PROGRAM INI PELAJAR DAPAT MENDALAMI TEKNOLOGI DAN KERJAYA DI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN. SELAIN DARIPADA ITU MELALUI SESI PEMBENTANGAN INI, IA AKAN MELATIH PARA PELAJAR DARI SEGI PENGUCAPAN AWAM ATAU 'PUBLIC SPEAKING' DAN TEKNIK PERSEMBAHAN YANG BAIK.

KINI SEORANG JURUTERA YANG BAIK PERLU MEMPUNYAI 'PACKAGE' BUKAN SAHAJA BIJAK DALAM KERJA TETAPI BIJAK UNTUK MENJUAL IDEA DAN MENYALURKAN INFORMASI KEPADA ORANG LAIN. OLEH ITU SESI PEMBENTANGAN INI MERUPAKAN SATU PLATFORM YANG BOLEH MEMBANTU PARA PELAJAR UNTUK MEMPELAJARI DAN MEMPRAKTIK TEKNIK UCAPAN UMUM.

SEPERTIMANA YANG KITA MAKLUM BAHAWA PELAJAR SULUNG KUKUM INI HANYA MEMPUNYAI MASA LEBIH KURANG SATU TAHUN LAGI SAHAJA UNTUK MENAMATKAN SESI PENGAJIAN MEREKA. OLEH YANG DEMIKIAN SAYA AMAT BERHARAP DALAM TEMPOH MASA INI PARA PELAJAR DAPAT MEMBUAT PERSEDIAAN DAN MENIMBA SEBANYAK MUNGKIN ILMU YANG INGIN DISAMPAI OLEH PIHAK KUKUM BUKAN SAHAJA ILMU DALAM BIDANG KEJURUTERAAN TETAPI JUGA KEMAHIRAN 'SOFT-SKILL' LAIN YANG MANA CUBA DISERAPKAN OLEH PIHAK PENTADBIRAN KUKUM.

JIKA KITA MELIHAT PANDANGAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH YAB DATO' DR HJ SHAFIE BIN HAJI MOHD SALLEH, MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BARU-BARU INI DIMANA BELIAU MENGAJAK PELAJAR-PELAJAR

YANG SEDANG MENUNTUT SUPAYA MEMINJAM SEKEJAP TOPI MAJIKAN. JIKA KITA SEBAGAI MAJIKAN, APAKAH CIRI-CIRI PEKERJA YANG MAHU KITA AMBIL? JIKA CIRI-CIRI YANG KITA KEMUKAN HAMPIR SAMA DENGAN APA YANG DIKEMUKAN OLEH MAJIKAN, MAKA WAJARLAH KITA MENYEDIAKAN DIRI DENGAN CIRI BERKENAAN, SEBELUM BERGRADUAT. DAN SAYA RASAKAN MASIH TIDAK TERLALU LEWAT LAGI UNTUK PARA PELAJAR YANG ADA DI DEWAN KULIAH INI UNTUK MEMBUAT PERSEDIAAN TERSEBUT. INSYAALLAH KAMI DARIPADA PIHAK KUKUM AKAN SENTIASA TETAP MEMBANTU PARA PELAJAR.

AKHIR SEKALI, SAYA AMAT BERHARAP AGAR KUKUM DAPAT MENGELUARKAN GRADUAN YANG MAMPU MENJADI PEKERJA BERKEMAHIRAN ATAU 'K-WORKER' KERANA PEKERJA YANG MEMPUNYAI CIRI 'K' AKAN MAMPU UNTUK BERSAING DALAM MENGHARUNGI PERSEKITARAN EKONOMI YANG SENTIASA BERTUKAR-TUKAR. BAGI SEMUA, SAYA BERHARAP SAMA-SAMALAH KITA KUATKAN USAHA DAN MEMIKUL TANGGUNGJAWAB MASING-MASING UNTUK MENJADIKAN KUKUM SEBAGAI MODEL KEPADA UNIVERSITI LAIN.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN PEMBUKAAN SESI PEMBENTANGAN INTRA YANG PERTAMA OLEH PARA PELAJAR TAHUN EMPAT KUKUM PADA 23 JULAI 2005 INI. SAYA SUDAHI DENGAN WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.